



10 JUL, 2025

Isu teknikal paparan graf myTNB diselesaikan

Harian Metro, Malaysia



Isu teknikal paparan graf myTNB diselesaikan

Putrajaya: Pelanggan yang berdaftar dengan syarikat utiliti Tenaga Nasional Berhad (TNB) sudah boleh membuat semakan penggunaan elektrik selepas paparan graf penggunaan harian dan bulanan dalam aplikasi myTNB kembali berfungsi sepenuhnya.

Hebahan TNB melalui akaun media sosial TNB CareLine pagi semalam memaklumkan isu teknikal berkaitan paparan graf penggunaan kWh bulan Julai di aplikasi myTNB berjaya diselesaikan.

“Paparan graf penggunaan harian dan bulanan kini kembali berfungsi sepenuhnya. Kami akan terus memantau prestasi sistem bagi memastikan pengalaman pengguna yang lancar,” menurut hebahan berkenaan.

Pada masa sama, TNB turut memberi jaminan bahawa isu berkenaan tidak menjejaskan bacaan meter sebenar atau bil muktamad pelanggan bagi Julai.

Sehubungan itu, TNB turut membuat permohonan maaf atas sebarang

kekeliruan yang timbul selain menyatakan penghargaan terhadap kesabaran semua pelanggan sepanjang proses penambahbaikan yang dijalankan.

Selain itu, TNB turut menasihati pelanggannya untuk mengajukan pertanyaan dengan menghubungi TNB melalui pesanan peribadi (PM) ke akaun Facebook TNB Careline; hubungi terus (DM) ke X @Tenaga_Nasional; hantaran emel kepada tnbcareline@tnb.com.my atau menghubungi talian 1300-88-5454.